



JOJAPS

eISSN 2504-8457



Journal Online Jaringan Pengajian Seni Bina (JOJAPS)

Penerimaan Pensyarah Kolej Komuniti Tangga Batu (KKTB) Terhadap Repositori Soalan Pentaksiran dalam Proses Pengajaran

Salfarina Binti Abdul Sukor

Kolej Komuniti Tangga Batu, Melaka

Abstrak

Penulisan item pentaksiran di Kolej Komuniti diwujudkan adalah sebagai panduan bagi menghasilkan penulisan atau pembinaan soalan item pentaksiran yang berkualiti. Pentaksiran juga bertindak sebagai pengukur kepada pencapaian pelajar samaada secara teori atau amali. Sebagai seorang pensyarah yang komited, penyediaan soalan pentaksiran secara berpusat atau berrepositori adalah amat penting di dalam proses pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Pengwujudan sistem pengurusan Repositori Soalan Pentaksiran (RSP) yang bersistematik di Kolej Komuniti Tangga Batu ini, memberi kesedaran kepada pensyarah tentang pentingnya ia dilaksanakan bagi mencapai keberkesanan yang efektif kepada pengajaran pensyarah pada tahap yang maksimum. Kajian lepas menunjukkan bahawa pelaksanaan pentaksiran adalah kunci kepada kemahiran dan profesionalisme pensyarah secara keseluruhan. Oleh yang demikian, kajian ini menumpukan kepada korelasi langsung di antara proses pengajaran pensyarah dan penerimaan mereka terhadap RSP dalam proses tersebut. Untuk mencapai objektif itu, kajian ini dilakukan secara diskriptif dengan menggunakan satu set borang soal selidik sebagai instrumen kajian dan borang maklumbalas aktiviti pembinaan item yang telah dijalankan di peringkat Kolej sebagai respon daripada pensyarah tentang manfaat penghasilan RSP. Makala analisis kuantitatif dijalankan dengan menggunakan aplikasi perisian *Microsoft Excell* secara manual bagi mencari peratus dan mengukur penerimaan pensyarah terhadap RSP. Hasil analisa data mendapati penggunaan RSP secara berterusan adalah diterima baik oleh pensyarah dan membantu membentuk hasil pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti. Pensyarah juga bersetuju bahawa RSP akan menjimatkan masa pensyarah untuk memberi penilaian kepada pelajar. Dengan ini dapatan membuktikan bahawa penerimaan pensyarah terhadap RSP ini adalah sangat positif dan memberi manfaat serta meningkatkan kesedaran pensyarah tentang pentingnya penghasilan dan pelaksanaan RSP di peringkat Kolej. Kajian ini perlu difokuskan terhadap kompetensi pensyarah dalam penggubalan item penilaian pada masa akan datang.

© 2020 Published by JOJAPS Limited.

Kata -kunci: - Repositori, Penilaian, Bank Soalan

1. Pengenalan

Proses pendidikan di negara kita dikategorikan kepada tiga komponen utama iaitu pengajaran, pentaksiran dan pembelajaran di mana, ketiga-tiga komponen ini bertindak saling membantu bagi membentuk hasil pengajaran dan pembelajaran yang optimum (Afinde, 2016). Definisi repositori dari Dewan Bahasa dan Pustaka bermaksud gudang dan tempat menyimpan barang. Dari sudut pendidikan pula adalah, pangkalan data (*database*) bagi tujuan penyimpanan, pengurusan dan perkongsian sumber-sumber pembelajaran dan juga objek pengajaran. Manakala dari aspek peperiksaan bermaksud Bank Soalan menurut (Sulaiman, Mohd. Abdul Halim and Yusof, Siti Khairiah, 2014). Bahagian Peperiksaan dan Penilaian, Jabatan Pengajian Kolej Komuniti bertekad untuk menambah baik kualiti item yang digunakan di Kolej Komuniti dan membangunkan bank item dinamik di Kolej Komuniti. Ini bagi membolehkan pentaksiran dilaksanakan dengan menilai pembelajaran pelajar secara adil dan dalam masa yang sama menjaga kewibawaan institusi.

Salfarina Binti Abdul Sukor / JOJAPS – JOURNAL ONLINE JARINGAN PENGAJIAN SENI BINA 0166796790

E-mail address: salfarina.kk@1govuc.gov.my

Di peringkat Kolej pula, penilaian pelajar diukur berdasarkan pentaksiran mereka. Pembelajaran yang berkesan memerlukan proses yang bermula dari pembinaan item dan instrumen pentaksiran sehingga kepada penilaian. Oleh yang demikian, kajian akan tertumpu kepada penerimaan pensyarah-pensyarah Kolej Komuniti Tangga Batu (KKTB) terhadap Repositori Soalan Pentaksiran (RSP) yang telah dibangunkan ini dan manfaatnya terhadap proses pengajaran mereka. Sehubungan dengan itu, satu kaedah sistem pentaksiran yang berkesan iaitu RSP perlu dilaksanakan agar keperluan untuk menamatkan silibus kursus dan pelaksanaan PdP dapat diselaraskan. Oleh yang demikian, kesahihan dan ketelusan item pentaksiran secara repositori sewajarnya mengambil kira pengetahuan, kefahaman, kemahiran dan amalan pentaksir item soalan.

1.1 Penyataan Masalah

Kajian ini bertitik tolak daripada permasalahan yang dikenal pasti pada awal tahun 2018, melalui temubual bersama empat (4) orang pensyarah tentang pengetahuan berkaitan dengan RSP di KKTB. Analisis awal ini telah melibatkan empat (4) orang pensyarah di Kolej KKTB dan mendapati mereka tidak mempunyai keseragaman dan keselarasan dari segi dokumen item pentaksiran pelajar. Kesemua pensyarah tersebut menyatakan ketidakpuashatian terhadap pembinaan item pentaksiran yang dibina sendiri pada saat-saat akhir pengajaran tanpa menggunakan format pembinaan item yang betul dan selaras. Hasilnya, mereka tidak dapat menghasilkan pentaksiran item yang berkualiti dan mengikut standad yang telah ditetapkan oleh Bahagian Peperiksaan dan Penilaian. Malah, item pentaksiran tidak dinilai kualiti item pentaksirannya oleh panel yang bertauliah.

Selain daripada itu, pembaziran masa telah berlaku kerana lebih masa telah diperuntukkan untuk membina item secara individu di mana, soalan pentaksiran tersebut sepatutnya telah selesai digubal sebelum sesi baru Pengajaran dan Pengajaran (PdP) bermula. Ini adalah penting bagi memastikan kelancaran proses PdP pensyarah. Hal ini kerana, tanggapan pensyarah tentang proses membina sendiri instrumen pentaksiran akan melambatkan proses pentaksiran semasa pembelajaran serta mengganggu tugas-tugas lain disebabkan kekangan masa untuk membina item pentaksiran (Abdul Rahman, M. A & Jaafar, K. ,2008).

1.2 Objektif Kajian

Secara umum, kajian ini melihat amalan pembinaan item pentaksiran berterusan secara berkendiri oleh pensyarah dan digunakan bagi proses pengajaran mereka. Secara spesifik, kajian ini dijalankan untuk dua (2) objektif berikut:

- i. Meninjau tahap penerimaan pensyarah terhadap penggunaan RSP
- ii. Meninjau sejauh mana RSP berfungsi dalam membantu proses pengajaran pensyarah.

1.3 Persoalan Kajian

Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan-persoalan berikut:

- i. Apakah tahap kesedaran pensyarah Kolej Komuniti Tangga Batu terhadap kepentingan RSP dalam pengajaran?
- ii. Apakah tahap persepsi pensyarah terhadap faedah/manfaat RSP?

2. Metodologi

Kajian ini lebih berbentuk kajian deskriptif yang bertujuan untuk memberikan gambaran awal tentang kesediaan penerimaan RSP dalam kalangan responden. Menurut Tuckman (1999), soal selidik merupakan cara yang berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden. Maka, penggunaan satu set borang maklum balas yang bersifat terbuka sebagai instrumen kajian telah dilaksanakan bagi kajian ini. Sebanyak 8 set soal selidik tersebut berjaya dikumpulkan. Jumlah responden terdiri daripada 9 orang pensyarah yang mengajar program Sijil Pelancongan dan Pengembaraan (SPL) dijadikan sampel kajian ini. Walaupun jumlah sampel adalah kecil tetapi mewakili jumlah populasi iaitu seramai 9 orang responden.

Data kajian dianalisis menggunakan *Aplikasi Microsoft Excell* secara manual dalam kajian ini. Data kemudian dikumpulkan dan dianalisa menggunakan kaedah analisis deskriptif bagi mencari peratus item di dalam borang soal selidik tersebut untuk meninjau sejauh mana penerimaan RSP di kalangan responden. Manakala, maklumbalas terhadap penerimaan pelaksanaan Bengkel Pembinaan dan Pemurnian Item Pentaksiran bagi menghasilkan RSP diterima melalui borang maklumbalas yang diedarkan sejurus sahaja bengkel tamat.

3. Analisa Data

Skali Likert adalah sebahagian daripada set soal selidik yang diedarkan kepada pensyarah. Terdapat dua belas (12) item pernyataan (*variable* penelitian) yang diberikan untuk mengukur sikap dan pendapat responden dengan merujuk kepada pemilihan item RSP dalam proses pengajaran pensyarah di KKTB.

3.1 Penerimaan Pensyarah Kolej Komuniti Tangga Batu Terhadap Repositori Pentaksiran Dalam Pengajaran 5= Sangat Setuju, 4= Setuju, 3= Tidak Pasti, 2= Tidak Setuju, 1= Sangat Tidak Setuju

ITEM	SKALA				
PERNYATAAN	5	4	3	2	1
RSP ini memberikan gambaran jelas tentang manfaat penggunaan soalan pentaksiran secara selaras	75%	25%	0%	0%	0%
RSP memberikan kesedaran tentang pentingnya pelaksanaan pentaksiran yang betul dalam pembinaan item	63%	37.5%	0%	0%	0%
RSP membantu pensyarah untuk melatih diri sebagai seorang pentaksir yang berprinsip	63%	37.5%	0%	0%	0%
RSP memberi manfaat kepada pensyarah dari segi ilmu membina item pentaksiran dengan berkualiti	63%	25%	0%	0%	0%
RSP memudahkan proses pengajaran pensyarah dan pembelajaran pelajar (PdP)	88%	12.5%	0%	0%	0%
RSP membantu pensyarah dalam proses pelaksanaan Rancangan Mengajar (RM) mengikut perancangan	75%	25%	0%	0%	0%
RSP menjimatkan masa pensyarah untuk memberi penilaian kepada pelajar	88%	12.5%	0%	0%	0%
RSP membantu mengurangkan kos mencetak kertas pentaksiran	38%	62.5%	0%	0%	0%
RSP mewujudkan sistem pengurusan fail pentaksiran dengan berkesan	63%	37.5%	0%	0%	0%
RSP membantu mempercepatkan proses pemarkahan di dalam sistem peperiksaan pensyarah mengikut takwim peperiksaan	75%	25%	0%	0%	0%
Bengkel Pembinaan item bagi RSP sesuai untuk dilaksanakan setahun sekali	38%	25%	37.5%	0%	0%
Bengkel Pembinaan item bagi RSP sesuai dilaksanakan secara berterusan	75%	12.5%	12.5%	0%	0%

Jadual 1: Analisis data bagi setiap item penerimaan pensyarah

4. Dapatan Kajian

Hasil analisis kajian di atas, terdapat dua (2) item penerimaan pensyarah terhadap RSP yang mempunyai peratus paling tinggi iaitu sebanyak 88%. Item pertama adalah penerimaan RSP memudahkan proses pengajaran pensyarah dan pembelajaran pelajar (PdP). Manakala item penerimaan kedua adalah RSP menjimatkan masa pensyarah untuk memberi penilaian kepada pelajar. Ini menunjukkan bahawa pensyarah di KKTB mendapati RSP membantu mereka dalam penjimatan masa dan melancarkan pengajaran PdP pensyarah terhadap pelajar. Terdapat empat item pernyataan yang menunjukkan penerimaan pensyarah terhadap RSP dalam pengajaran mereka. Masing-masing memberikan peratus yang sama iaitu sebanyak 75%. Pertama adalah, item penerimaan tentang RSP ini memberikan gambaran jelas tentang manfaat penggunaan soalan pentaksiran secara selaras. Kedua iaitu, RSP membantu pensyarah dalam proses pelaksanaan Rancangan Mengajar (RM) mengikut perancangan. Ketiga, RSP membantu mempercepatkan proses pemarkahan di dalam sistem peperiksaan pensyarah mengikut takwim peperiksaan. Item penerimaan pensyarah terhadap RSP yang terakhir adalah majoriti pensyarah yang merasakan bahawa bengkel pembinaan item bagi RSP sesuai dilaksanakan secara berterusan.

Dapatan tentang empat item penerimaan tersebut menunjukkan bahawa penghasilan RSP ini amat disenangi dan diterima dengan jayanya bagi proses pelaksanaan di peringkat Kolej. Pensyarah juga sedar dengan kepentingan RSP ini terhadap proses PdP mereka secara keseluruhan. Bagi maklumat latar belakang responden pula, kesemua responden pernah mendengar tentang RSP ini. Walaubagaimanapun, hanya empat (4) responden yang pernah terlibat secara langsung di dalam proses pembinaan item bagi peperiksaan akhir.

Salfarina Binti Abdul Sukor / JOJAPS – JOURNAL ONLINE JARINGAN PENGAJIAN SENI BINA 0166796790

E-mail address: salfarina.kk@1govuc.gov.my

Maklumat ini amat penting bagi keperluan dan pengetahuan pensyarah dalam pembinaan setiap item RSP dengan bernas dan berkesan. Maka, dapatlah disimpulkan bahawa melalui tinjauan ini mendapati pensyarah KKTB mempunyai pandangan yang positif terhadap kepentingan dan manafaat RSP terhadap proses pengajaran bagi membantu melancarkan lagi sistem pentaksiran di Kolej.

5. Kajian Literatur

Menurut R. Chaiming, menetapkan standard pengukuran dan penilaian pendidikan sangat penting untuk pengajaran dan pembelajaran kerana ia adalah petunjuk bahawa graduan mempunyai ciri-ciri pembelajaran atau hasil yang memenuhi kelayakan standard pendidikan tinggi dan merupakan hasil pengembangan pengetahuan dari proses pengajaran dan pembelajaran setiap institusi. Kualiti ujian yang dibuat untuk penilaian pembelajaran pelajar bergantung pada perancangan dan pembinaan ujian, kedalaman pengetahuan subjek penulis item, dan kemahiran menulis ujian pengarang. Item yang dibuat mesti diuji, atau hasil ujian dapat digunakan untuk menganalisis kualiti ujian (S. Kanjanawasee, 2001). Penilaian memerlukan parameter yang mengekalkan integriti dan kebolehpercayaan yang tinggi sementara tidak mempunyai beban saiz soalan yang tidak realistik. Keperluan untuk kecekapan kumpulan soalan adalah dorongan untuk usaha ini. (Mark Murdock, Matthew Brenneman, 2020).

6. Penambahbaikan

Terdapat tiga (3) penambahbaikan yang perlu dilaksanakan bagi menambahbaik bagi kajian ini pada masa hadapan. Penambahbaikan tersebut adalah seperti berikut:

I. Menumpukan kajian kepada kompetensi pensyarah berkaitan penggubalan item peperiksaan

Kajian akan datang hendaklah ditumpukan kepada kompetensi pensyarah secara keseluruhan terhadap pembinaan item agar dapat membantu menambahbaik item pentaksiran dengan lebih berkesan dan efisien.

II. Melibatkan semua pensyarah bagi program/kursus yang lain

Kajian yang telah dijalankan ini hanya melibatkan pensyarah bagi program Sijil Pelancongan dan Pengembaraan. Makanya, liputan keseluruhan tidak dapat diseragamkan. Jadi, kajian seterusnya dapat melibatkan pensyarah lain bagi kursus MPU bagi mendapatkan gambaran lebih jelas dan pelaksanaan lebih baik tentang penghasilan RSP ini.

III. Cadangan untuk kajian lanjutan

Kajian ini memberi petunjuk kepada beberapa bidang penyelidikan lanjutan yang boleh dijalankan pada masa akan datang. Seperti yang diketahui, sampel kajian ini adalah terhad kepada sebuah Kolej Komuniti sahaja sahaja. Kajian seumpama ini haruslah dilakukan dalam skop yang lebih luas agar dapatan kajian dapat digeneralisasikan bagi seluruh negeri atau negara.

7. Impak Kajian

Hasil kajian ini telah memberikan impak yang menyeluruh terhadap pemahaman dan kepentingan RSP ini kepada pensyarah KKTB. Impak-impak tersebut adalah:

I. Pemahaman jelas tentang RSP.

Kejayaan menghasilkan RSP telah memberikan kesedaran kepada pensyarah dalam memahami kepentingan RSP dalam membantu proses PdP di Kolej. Di samping itu, ia dapat melahirkan pentaksir yang berkalibar serta berkualiti.

II. Impak kepada pengurusan Unit Peperiksaan.

Dari aspek pengurusan Unit Peperiksaan pula, pelaksanaan kajian ini telah mewujudkan satu sistem pengurusan yang sangat sistematik, cepat, jimat dan kos yang sangat rendah serta pelaksanaan yang sangat efektif bagi pensyarah khususnya. Maka dengan itu, wajarlah Unit Peperiksaan mengambil inisiatif ini bagi melancarkan urusan pentaksiran pensyarah.

III. Impak kepada pelajar KKTB.

Kajian ini membuktikan bahawa dengan adanya persediaan pentaksiran yang teratur perjalanan pentaksiran pensyarah akan berjalan dengan baik. Menurut (M. Lakshmi, Abhinayana E. dan Aiswariya Srithi E, 2016) melalui kajian mereka, sistem e-question bank terhadap teknologi Android membantu pelajar untuk memenuhi keperluan-keperluan di dalam kaedah yang efisien dan mudah. Kajian ini dapat membantu pelajar untuk bersedia dengan proses pengajaran yang berkesan di mana mereka akan diuji kerana mereka merupakan penerima (*output receiver*).

9. Kesimpulan

Perlaksanaan pentaksiran yang efektif memerlukan komitmen yang tinggi dari semua pihak khususnya para pensyarah di Kolej Komuniti Tangga Batu. Ahmad (2010), menganggap pentaksiran sebagai kunci kemahiran professional bagi guru. Justeru itu, kesedaran tentang pentingnya manfaat daripada RSP ini akan membantu untuk meningkatkan tahap kebersediaan dan motivasi pensyarah dan juga pelajar dalam proses PdP. Secara keseluruhan, hasil tinjauan menemukan penerimaan baik RSP berterusan ini daripada semua pensyarah. Malah maklumbalas pensyarah daripada bengkel pembinaan yang telah dilaksanakan sebelum ini sangat positif. Maka, objektif kajian ini tercapai dengan jayanya. Diharapkan, kajian akan datang akan difokuskan terhadap kompetensi pensyarah dalam penggubalan item penilaian.

Rujukan

- Abdul Rahman, M. A & Jaafar, K. (2008). Pelaksanaan Pentaksiran kerja Kursus Kemahiran Hidup Bersepadu Sekolah Ahmad, A. (2010). Pentaksiran pendidikan. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad, J. H., & Rubiah Omar. (2009). Kesedaran, Penilaian dan Penerimaan e- Pembelajaran dalam Kalangan Ahli Akademik. *Journal Pendidikan Malaysia*, 155-172.
- M.Lakshmi, Abhinayana E. and Aiswariyaa Srithi E. (2016). An Android Application for Efficient E-Question Bank. *ARNP Journal of Engineering and Applied Sciences*, 8332-8335.
- Menengah Dalam Bandar Di Daerah Kuantan, Pahang. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Murdock, Brennen, (2020) "Designing Tests From Question Pools With Efficiency, Reliability, and Integrity", *The Journal of Contemporary Chiropractic*.
- Othman, A. B. (2016). Pengetahuan, Kemahiran dan Amalan Guru Membina Item Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Instrumen Pentaksiran Pembelajaran. Malaysia: Fakulti Pendidikan Teknikal Vokasional, Universiti Tun Hussien Onn.
- R. Chaiming, "Development of Tools Measuring and Evaluating Learning Outcomes based on Thai Qualification Framework for Higher Education, for the Bachelor Program of Public Health (Community Public Health), Colleges.
- S. Kanjanawasee, *Classical Test Theory*, 4th ed. Bangkok: Chulalongkorn University Printing House, 2001.
- Sulaiman, Mohd. Abdul Halim and Yusof, Siti Khairiah. (2014) Sistem repositori dokumen kerajaan dalam pelaksanaan pengurusan projek. In: Seminar Kebangsaan Pustakawan Malaysia: Transformasi Perpustakaan Dan Perubahan Budaya: Peranan Pustakawan, 25-27 Aug. 2013, Melaka, Malaysia. (pp. 355-362).
- Tuckman, B.W. (1999). *Conducting Educational Research*, Texas, United States: Harcourt Brace College Publishers.